

03/03/2004

Kikis sikap kurang yakin

PETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat mengikis sikap kurang yakin pada diri sendiri kerana ia menjadi penghalang besar kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, sebagai rakyat negara yang bebas dan berdaulat serta mampu menentukan masa depan sendiri, mereka hendaklah berani menonjol ke depan dan tidak memandang hina kepada orang yang memburu kejayaan.

"Jangan kita tolak cabaran kerana tidak yakin untuk berdiri sama tinggi dengan mereka yang sudah lebih lama melalui proses pembangunan," katanya ketika melancarkan Edisi Emas Malaysia Book of Records (MBR), di sini malam tadi.

Ia dilancarkan sebagai penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang gigih berusaha membentuk sikap berani menghadapi cabaran dan sentiasa mengejar kecemerlangan rakyat Malaysia.

Semangat Malaysia Boleh yang didorong oleh Dr Mahathir menjadi inspirasi bagi pencapaian negara dan rakyat Malaysia, termasuk pada peringkat antarabangsa.

Turut hadir Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohd Nazri Aziz; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Pengasas MBR, Datuk Danny Ooi.

Abdullah berkata, mereka yang berjaya menempa nama dalam MBR membuktikan rakyat Malaysia mampu menjadi juara serta mencapai keunggulan.

Katanya, semangat itu sangat penting kerana persaingan dunia kini semakin hebat.